

MAKLUMAT PROGRAM KOMUNITI PARADISELINX

1. KELAYAKAN

- Had Umur
 - Peserta mestilah berumur tidak kurang dari satu (1) tahun atau tidak melebihi lapan puluh (80) tahun ketika membuat permohonan
- Warganegara
 - Terbuka kepada Warganegara Malaysia sahaja.

2. KAD PRABAYAR VISA

- Kad yang membolehkan peserta membeli barangan atau perkhidmatan di semua tempat/kaunter yang menerima pembayaran melalui VISA. Antara kelebihan Kad Prabayar Visa adalah:
 - Tidak memerlukan pendapatan minimum
 - Tidak dikaitkan dengan mana-mana akaun bank
 - Perbelanjaan mudah dan selamat
 - Pengeluaran tunai dari ATM rangkaian VISA di seluruh dunia
- Had simpanan di dalam kad sehingga RM10,000 dan had pengeluaran harian adalah RM2,999.00.
- Dihubungkan dengan d-kocek untuk semakan baki simpanan dan transaksi pembayaran secara atas talian.

SKIM TAKAFUL KEMALANGAN DIRI DAN KEILATAN KEKAL

- Kematian (Kemalangan)
 - Kematian peserta yang semata-mata dan secara langsung disebabkan oleh Kemalangan yang mengakibatkan kecederaan yang parah dan nyata (termasuk akibat secara langsung daripada pendedahan kepada elemen tersebut) dan tidak termasuk penyakit, parasit, jangkitan virus atau bakteria atau sebarang keadaan semula jadi atau proses *degenerative*; dalam tempoh 12 belas (12) bulan kalendar kejadian tersebut. Jumlah akan dibayar adalah Amaun seperti yang dinyatakan di dalam jadual.
 - Kemalangan yang dimaksudkan adalah sesuatu peristiwa atau malapetaka yang berlaku secara tiba-tiba, tidak sengaja dan di luar jangkaan yang mengakibatkan kematian atau kecederaan tubuh badan.
- Keilatan Kekal (Kemalangan)
 - Keilatan kekal terhadap Peserta yang semata-mata dan secara langsung disebabkan oleh Kemalangan yang mengakibatkan kecederaan luar yang parah dan nyata (termasuk akibat secara langsung daripada pendedahan kepada elemen tersebut) dan tidak termasuk penyakit, parasit, jangkitan virus atau bakteria atau sebarang keadaan semula jadi atau proses degeneratif; dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar kejadian tersebut.
 - Jumlah yang akan dibayar adalah Amaun seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.
- Khairat Kematian (Kemalangan dan Penyakit)
 - Jumlah sekali gus seperti yang tertera di dalam jadual akan dibayar untuk manfaat perbelanjaan pengkebumian apabila berlakunya kematian akibat kemalangan atau penyakit ke atas peserta.

PENGECCUALIAN

Manfaat Skim Takaful ini tidak akan dibayar atau tidak layak dituntut sekiranya kematian atau keilatan kekal tersenarai di pengecualian yang dinyatakan.

Perlindungan di bawah Skim Takaful ini tidak bercadang untuk dan tidak melindungi:

- Peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), peperangan sivil, pemberontakan, revolusi, pemberontakan atau rampasan kuasa, mogok, rusuhan, kekecohan awam, kebangkitan tentera atau perhimpunan awam di mana Peserta secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian atau terlibat walau apa jua dalam aktiviti-aktiviti tersebut.
- Sebarang perlakuan yang melanggar Undang-undang Sipil atau Syariah dan prinsip-prinsipnya.
- Gila, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau apa-apa percubaan ke arah itu.
- Hilang keupayaan kekal yang sedia ada atau Kecederaan Tubuh Badan Peserta.
- Kematian atau Hilang Keupayaan secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau disebabkan oleh atau disumbangkan oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) walau bagaimana jua sindrom ini telah didapati atau mungkin dinamakan.
- Terlibat di dalam pekerjaan-pekerjaan di bawah:
 - Tentera, pertahanan awam, penguatkuasa undang-undang, ahli bomba atau pengawal/ pegawai keselamatan, atau
 - Kakitangan di udara, anak kapal, kakitangan di pelantar minyak, penyelam atau nelayan, atau
 - Perlombongan, pembalakan, kilang papan, kerja-kerja pertukangan kayu atau bawah tanah, atau perobohan, letupan atau kuari, atau berurusan dengan bahan letupan, gas beracun atau berbahaya, cecair atau bahan-bahan (kecuali di dalam keadaan di mana Peserta sudah tamat waktu tugasnya pada masa Kemalangan itu dan Kecederaan Tubuh Badan itu tidak ada hubung kait dengan pekerjaan Peserta atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan pekerjaan Peserta), atau
 - Aktiviti-aktiviti atau kerja yang melibatkan perancah, gondola, tali atau kabel.

Prosedur lengkap pengecualian skim takaful kemalangan diri dan keilatan kekal boleh dimuat turun di www.paradiselinx.com

* Tandatangan di ruang di bawah:

JADUAL AMAUN MANFAAT

A.	MANFAAT (UMUR: 1 TAHUN – 75 TAHUN)	HAD MANFAAT
1.	Kematian (Kemalangan)	RM10,000
2.	*Keilatan Kekal (Kemalangan) – Mengikut Skala	RM10,000
3.	Khairat Kematian (Penyakit & Kemalangan)	Sehingga RM5,000

* Jadual skala pampasan keilatan kekal boleh dimuat turun di www.paradiselinx.com

B.	MANFAAT (UMUR: 76 TAHUN – 80 TAHUN)	HAD MANFAAT
1.	Kematian (Kemalangan)	RM5,000
2.	*Keilatan Kekal (Kemalangan) – Mengikut Skala	RM5,000
3.	Khairat Kematian (Penyakit & Kemalangan)	RM1,000

* Jadual skala pampasan keilatan kekal boleh dimuat turun di www.paradiselinx.com

TUNTUTAN

Rujuk panduan langkah berikut untuk kemukakan tuntutan.

Langkah 1: Menyedia dan melengkapkan dokumen-dokumen tuntutan.

- Borang tuntutan (Borang PLCP & Borang TIGB)
- Sijil Kematian
- Permit menguburkan yang sah, jika berkenaan
- Laporan polis, jika berkenaan
- Laporan perubatan (bedah siasat/pengesahan kematian)
- Salinan Kad Pengenalan penuntut
- Salinan Sijil Program Komuniti Paradiselinx
- Salinan Kad Pengenalan Pewaris

Langkah 2: Penghantaran dokumen

- Secara atas talian melalui portal komuniti
- Emel
- Aplikasi *Whatsapp*
- Pos

Pewaris bertanggungjawab untuk maklum kematian pada hari kejadian, kegagalan tersebut akan menyebabkan kelewatan proses tuntutan.

Dalam kes kematian atau Keilatan Kekal yang berkaitan:

- Peserta hendaklah sentiasa mengikut arahan pengamal perubatan untuk kaedah perubatan atau menjalani pembedahan dalam tempoh yang ditetapkan;
- Notis bertulis hendaklah diberi kepada pihak Syarikat dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan tersebut.
- Kematian disebabkan penyakit COVID-19 tidak layak untuk membuat tuntutan.
- Tuntutan dana pengurusan jenazah sebanyak RM1,000 jika kematian disebabkan penyakit kritikal berlaku dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pendaftaran

Pihak syarikat berhak meminta dokumen tambahan sebagai bukti semasa proses tuntutan dilakukan bagi tujuan siasatan dan pengesahan.

Kegagalan untuk memberi notis dalam masa yang diperuntukkan dalam ini tidak akan terus membatalkan tuntutan tersebut jika Peserta/Pewaris boleh membuktikan bahawa adalah tidak munasabah untuk memberikan notis dalam tempoh tersebut dan notis telah diberikan dengan seberapa segera yang munasabah.

Borang dan Prosedur lengkap tuntutan boleh dimuat turun di www.paradiselinx.com

PEMBAHARUAN PROGRAM

Peserta perlu melakukan pembaharuan setiap satu (1) tahun bagi meneruskan manfaat Skim Takaful ini. Pihak syarikat akan menghantar SMS peringatan kepada Peserta untuk pembaharuan dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum dari tarikh tamat. Pihak syarikat tidak akan terikat untuk menerima sebarang pembaharuan dan manfaat ini tidak boleh diperbaharui di mana Peserta mencapai umur lapan puluh (80) tahun.

Ia tidak menjadi tanggungjawab pihak syarikat sekiranya Peserta gagal/tidak memperbaharui manfaat Skim Takaful ini. Dalam keadaan ini, pihak syarikat juga tidak bertanggungjawab untuk membayar tuntutan seperti di nyatakan di jadual.

KOMPIN

Kelab Kebajikan Kesejahteraan Komuniti Pintar / KOMPIN (PPM-003-14-01072020) sebuah kelab yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.

KOMPIN mengutamakan peningkatan kualiti kehidupan melalui aktiviti amal yang terkait dengan bantuan keperluan sains dan teknologi. KOMPIN juga memberi fokus kepada bantuan bagi tujuan peningkatan ekonomi, pelajaran, kesihatan dan kualiti komunikasi serta kebajikan komuniti.

Sehubungan itu, peserta Program Komuniti Paradiselinx secara tidak langsung mengambil bahagian dalam KOMPIN. Dengan didaftarkan sebagai ahli bersekutu KOMPIN untuk turut sama membantu sebarang aktiviti kebajikan yang dianjurkan.

Layari laman sesawang kompin.org.my untuk maklumat lanjut